



NOTA PERCAKAPAN

**YB HANNAH YEOH MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH CABUTAN
BERTUAH CUKAI TAKSIRAN DAN
ANUGERAH PENARAFAN BINTANG KUALITI
PENGURUSAN SKIM PEMAJUAN
BERSTRATA 2025 WP PUTRAJAYA**

**KHAMIS, 6 OGOS 2026
2.00 PM – 3.30PM**

**DEWAN SERI SIATAN,
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(Salutasi)

1. Tuan-tuan dan puan-puan, semua orang mahu Putrajaya menjadi sebuah bandar yang bersih, selamat dan selesa untuk didiami.
2. Kita mahu jalan yang baik, taman yang terpelihara, kemudahan awam yang berkualiti dan bangunan yang diurus dengan baik.
3. Namun semua ini tidak berlaku dengan sendiri. Ia memerlukan kerajaan yang amanah dan rakyat yang bertanggungjawab.
4. Sebab itu hari ini kita meraikan dua bentuk tanggungjawab.
5. Pertama, pemilik harta yang menjelaskan cukai taksiran tepat pada masanya.
6. Kedua, Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan yang mengurus skim strata dengan baik.

7. Saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran 2025 dan penerima Anugerah Penarafan Bintang Kualiti Pengurusan Skim Pemajuan Berstrata 2025.
8. Pengiktirafan ini bukan sekadar mengenai hadiah atau sijil. Ia adalah penghargaan kepada mereka yang melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang.
9. Ramai orang melihat cukai sebagai satu kewajipan. Saya melihat cukai sebagai satu amanah.
10. Amanah rakyat kepada kerajaan. Dan amanah kerajaan untuk memastikan setiap ringgit yang dibayar dikembalikan kepada rakyat melalui perkhidmatan yang lebih baik.
11. Saya sentiasa berpegang kepada satu prinsip. Setiap ringgit cukai taksiran yang dibayar oleh warga Putrajaya mesti diterjemahkan kepada jalan yang lebih baik, taman yang lebih terpelihara, kemudahan awam yang lebih berkualiti dan persekitaran yang lebih selesa untuk semua.

12. Prinsip yang sama turut menjadi asas kepada dasar-dasar yang kita laksanakan di Putrajaya.
13. Bermula **1 Jun 2026** hingga **30 Mei 2027**, Perbadanan Putrajaya melaksanakan pengurangan kadar sewa bulanan sebanyak **30 peratus** kepada **244 peniaga kecil** di medan selera, kios dan pasar milik PPj.
14. Kita mahu membantu peniaga mengurangkan beban kos.
15. Tetapi bantuan juga datang bersama tanggungjawab. Sebab itu peniaga yang menerima manfaat ini perlu menjelaskan tunggakan sewa mereka.
16. Kerajaan mesti prihatin tetapi pada masa yang sama mesti berdisiplin.
17. Pada tahun ini, seramai **2,585** pemilik harta layak menyertai Cabutan Bertuah Cukai Taksiran, **meningkat** berbanding **2,231** pemilik pada tahun sebelumnya.

18. Ini menunjukkan semakin ramai warga Putrajaya memahami bahawa pembayaran cukai bukan sekadar memenuhi kewajipan tetapi menyumbang kepada pembangunan bandar yang kita kongsi bersama.
19. Bagi menghargai komitmen tersebut, Perbadanan Putrajaya **meningkatkan** jumlah hadiah daripada **70** kepada **100** hadiah dengan nilai keseluruhan **RM62,500**.
20. Namun, hadiah bukanlah matlamat utama. Ganjaran sebenar ialah apabila hasil yang dikutip diterjemahkan kepada perkhidmatan yang lebih baik untuk rakyat.
21. Dalam masa yang sama, kehidupan di bandar juga bergantung kepada kualiti pengurusan bangunan berstrata.
22. Pengurusan strata bukan sekadar mengurus akaun atau mengadakan mesyuarat.
23. Ia menentukan sama ada lif berfungsi, kawasan bersama diselenggara dan penghuni tinggal dalam persekitaran yang selamat.

24. Daripada **29 skim strata** yang dinilai pada tahun ini, **lima skim** berjaya memperoleh penarafan **empat bintang**.
25. Pada kali ini, satu **anugerah khas** turut diperkenalkan untuk diberikan khusus kepada skim strata yang mencatatkan lonjakan prestasi markah tertinggi berdasarkan pemarkahan tahun lalu. Penerima anugerah khas ini akan menerima wang tunai berjumlah **RM1,000.00 berserta sijil**.
26. **Tiada** skim yang menerima **lima bintang**.
27. Keputusan ini menunjukkan bahawa penarafan lima bintang bukan diberikan secara automatik. Ia mesti diperoleh melalui prestasi sebenar.
28. Integriti bukan sekadar diuji ketika kita memberi ganjaran. Integriti juga diuji apabila kita berani mengekalkan standard.
29. Saya berharap keputusan ini menjadi dorongan kepada semua JMB dan MC untuk terus meningkatkan mutu tadbir urus, penyelenggaraan dan ketelusan demi kesejahteraan penghuni.

30. Tuan-tuan dan puan-puan, bandar yang hebat bukan sekadar mempunyai bangunan yang indah.

31. Bandar yang hebat ialah bandar yang rakyatnya percaya kepada institusinya.

32. Apabila rakyat melaksanakan tanggungjawab, kerajaan mengurus amanah dengan telus dan komuniti saling bekerjasama, ketika itulah sebuah bandar benar-benar menjadi milik rakyat.

33. Tahniah sekali lagi kepada semua penerima anugerah.

34. Marilah kita terus bekerjasama menjadikan Putrajaya sebuah bandar yang bukan sahaja cekap ditadbir, tetapi juga terbaik untuk didiami.

Sekian, terima kasih.